

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 2 TAHUN 2014

Semua Dekan/Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt. wbt.
YH Prof. Dato/YBhg. Prof/Prof Madya/Tuan/Puan,

**KEMUDAHAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN KENDERAAN BAGI
PEMANDU PEGAWAI PENGURUSAN TERTINGGI
GRED JUSA B DAN KE ATAS
(Tambahan Kepada Pekeliling Bendahari Bil 5 Tahun 2011)**

TUJUAN

Surat Pekeliling Bendahari ini bertujuan untuk memaklumkan tentang kemudahan tuntutan elaun perjalanan kenderaan bagi pemandu Pegawai Pengurusan Tertinggi Gred Jusa B dan ke atas.

KEMUDAHAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN KENDERAAN

2. Setelah mengambilkira kebajikan pemandu, Universiti bersetuju menerimapakai Surat Edaran Perbendaharaan KK/BP10/791/441/6(s.k. 2/2008)(13) bertarikh 15 Julai 2008. Pemandu kepada Pegawai Pengurusan Tertinggi Gred JUSA B dan ke atas serta setaraf adalah layak membuat tuntutan perjalanan dari rumah pemandu ke rumah pegawai pada setiap hari bertugas seperti berikut:

- (i) tuntutan elaun perjalanan kenderaan yang dibenarkan adalah dari rumah pemandu ke rumah pegawai, pergi/balik;

- (ii) tuntutan perjalanan adalah mengikut kelayakan pemandu seperti yang ditetapkan di bawah pekeliling bertugas rasmi yang sedang berkuatkuasa termasuk tuntutan bayaran tol;
- (iii) pemandu hendaklah menggunakan kenderaan sendiri dan tuntutan tambang teksi hanyalah bagi hari tertentu sahaja yang tidak dapat dielakkan seperti pada hari hujan, kenderaan pemandu mengalami kerosakan atau keadaan lain di luar kawalan pemandu; dan
- (iv) tuntutan pemandu ke rumah pegawai hendaklah berdasarkan laluan lazim dan terdekat iaitu baki beza jumlah kilometer layak antara rumah pemandu ke rumah pegawai berbanding perjalanan ke tempat kerja.

3. Ketua Jabatan hendaklah memastikan dan mengesahkan bahawa tuntutan yang dikemukakan oleh pemandu adalah teratur, munasabah dan berpatutan.


4. Kemudahan ini juga dipanjangkan kepada pemandu jabatan yang diarahkan menggantikan pemandu Pegawai Pengurusan Tertinggi Gred JUSA B dan ke atas serta yang setaraf dengan syarat mendapat arahan bertulis daripada Ketua Jabatan.

TARIKH KUAT KUASA

5. Surat Pekeliling Bendahari ini adalah berkuat kuasa dari tarikh surat ini dikeluarkan.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menjalankan tugas



ZAINUDIN BIN OTHMAN
Bendahari
Universiti Malaysia Pahang

30 Januari 2014

- s.k - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
- Pendaftar